

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1991/92

Oktober/November 1991

PDP 481 - Perspektif Sosial Dalam Pendidikan

Masa : [3 jam]

ARAHAN: Jawab soalan pertama dari Bahagian A, dan 3 (TIGA) soalan lagi dari Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab jumlah 4 (EMPAT) soalan.

BAHAGIAN A: Wajib

1. Bandingkan Teori Sosialisasi, Teori Pengagihan, dan Teori Pengesahan; dan sebutkan apakah perbezaan di antara ketiga-tiga teori ini mengenai kesan-kesan pendidikan terhadap individu dan masyarakat.

(34 markah)

BAHAGIAN B: Pilih TIGA soalan sahaja

2. Apakah pandangan asas dari Perspektif Fungsionalisme dan Perspektif Konflik mengenai perubahan masyarakat? Huraikan tiga kritikan terhadap setiap perspektif ini.

(22 markah)

3. "Pengkritik telah menghujah bahawa secara umum Teori Pergantungan telah dihadkan oleh 'keterbatasan imej cermin' seperti yang dihadapi oleh Teori Modernisasi". Terangkan apakah maksud kenyataan ini, dan bincangkan apakah perbezaan di antara Teori Modernisasi dan Teori Pergantungan.

(22 markah)

4. Menurut Teori Pembiasaan, "pendidikan telah meneruskan ketidaksamaan yang wujud di dalam masyarakat". Adakah anda menyokong kenyataan ini atau tidak? Beri sebab-sebab.

(22 markah)

...2/-

5. Dasar Pelajaran Kebangsaan menentukan bahawa Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan kita dengan matlamat untuk memupuk perpaduan negara. Pada pendapat anda, adakah matlamat ini sudahpun dicapai atau tidak? Beri sebab-sebab.

(22 markah)

6. Jawab DUA soalan sahaja dari berikut:

- (i) Apakah faktor-faktor yang akan mempengaruhi pencapaian murid-murid di sekolah?
- (ii) Mengapa disiplin di sekolah merosot?
- (iii) Apakah kesan-kesan baik dan kesan-kesan buruk jika seluruh sistem pendidikan Malaysia ini diswastakan?

(22 markah)

- 0000000 -